

SKEMA PEMARKAHAN PENILAIAN TEKNIKAL

1. Dokumen Penilaian Teknikal

1.1 Senarai Semak Dokumen Teknikal seperti di **Jadual 1**.

JADUAL 1: SENARAI SEMAK DOKUMEN TEKNIKAL

Bil.	Lampiran	Penetapan Skor (Tandakan √)	Keterangan	Tindakan Pembekal	Tindakan JKPT
(i) Item Beserta Spesifikasi					
1.	Spesifikasi		Borang Pematuhan Spesifikasi Teknikal	Kunci Masuk	Pemberian Markah oleh JKPT
(ii) Elemen / Kriteria Lain					
1.	Brosur/ Risalah		Mengemukakan katalog berkaitan item yang ditender	Muat Naik	Pemberian Markah oleh JKPT
2.	Sampel Produk (Jika Perlu)	(Automatik dijadikan skor oleh sistem)	Mengemukakan sampel seperti dinyatakan di spesifikasi	Serah Manual	Pemberian Markah oleh JKPT
3.	Arahan Pembekal Untuk Pengisian Spesifikasi		Mengandungi arahan bagi kaedah pengisian maklumat/perincian dalam spesifikasi	Lihat	Rujukan pembekal untuk pengisian spesifikasi
4.	Senara Kakitangan Teknikal (Jika perlu)		Mengandungi maklumat senarai kakitangan teknikal	Muat Naik	Rujukan JKPT dalam pemberian markah
5.	Borang / Jadua Pematuhan Spesifikasi		Mengandungi maklumat terperinci item yang dibekalkan		Rujukan JKPT

2. Peringkat Penilaian Teknikal

2.1 Penilaian Teknikal terdiri daripada dua (2) peringkat penilaian iaitu:

- (i) **Penilaian Peringkat Pertama** : Pemarkahan Terperinci dan Pematuhan Kepada Spesifikasi Wajib/Mandatori

Proses penilaian teknikal di peringkat pertama adalah pemarkahan bagi spesifikasi/syarat wajib/mandatori ditetapkan oleh Agensi seperti Jadual 2 berikut:

JADUAL 2

BIL.	PEMATUHAN	MARKAH	CATATAN
1	Mematuhi Spesifikasi	5	
2	Separa Mematuhi	3 atau 2	Untuk spesifikasi yang tidak menjejaskan pembekalan
3	Tidak Mematuhi Spesifikasi	0*	Spesifikasi wajib yang jika tidak dipatuhi boleh menjejaskan pembekalan dan pembekal jelas dan nyata tidak mematuhi.

Nota: *Penilaian peringkat kedua iaitu penilaian spesifikasi Am tidak akan dinilai jika salah satu spesifikasi wajib tidak dipatuhi iaitu mendapat markah kosong (0).

- (ii) **Penilaian Peringkat Kedua** :Pemarkahan Terperinci Spesifikasi Am

Proses penilaian di peringkat kedua ini akan mengukur dan menilai ke atas pematuhan petender kepada spesifikasi wajib dan am. Secara asasnya, tahap ketepatan bagi sesuatu tawaran diklasifikasikan sebagai salah satu berdasarkan Jadual 3 berikut:

JADUAL 3: CIRI KETEPATAN

MARKAH*	TAHAP	CIRI KETEPATAN
5	I	Tawaran yang melebihi had spesifikasi dan kelebihan tersebut boleh memberi faedah atau keuntungan kepada pengguna.
4	II	Menepati spesifikasi, atau tawaran yang melebihi had spesifikasi tetapi kelebihan itu tidak diperlukan oleh pengguna.

3	III	Terdapat sedikit penyimpangan (<i>deviation</i>) dan ia tidak menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan yang ditawarkan dengan serius.
1	IV	Terdapat penyimpangan yang ketara dan ia boleh menjejaskan kualiti barangan atau perkhidmatan dengan serius.
0	V	Tidak menepati spesifikasi atau tiada komitmen atau tidak mengemukakan katalog / maklumat untuk semakan.

Nota: *Jawatankuasa spesifikasi boleh menetapkan markah yang lebih tinggi bagi spesifikasi am yang penting.